

30 OCT 2001

Bahrain-lawat

MALAYSIA-BAHRAIN AKAN METERAI MOU DAN PERJANJIAN

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Bahrain akan menandatangani beberapa memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian dengan Malaysia semasa lawatan Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa Salman Al Khalifa selama dua hari ke negara ini bermula esok.

Khalifa dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menandatangani dua MoU, satu mengenai penubuhan Pusat Perdagangan dan Pengedaran Malaysia dan satu lagi untuk membangunkan sistem perbankan dan kewangan Islam di Bahrain, demikian menurut kenyataan Wisma Putra di sini hari ini.

"Malaysia menganggap lawatan ini penting kerana ia akan mengukuhkan dan meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi," kata kenyataan itu.

Petronas pula akan memeterai dua perjanjian dengan kerajaan Bahrain mengenai usaha cari gali dan perkongsian pengeluaran minyak membabitkan dua kawasan di bahagian timur luar pesisir negara itu.

Sebuah syarikat tempatan, Tekno Logam Sdn Bhd, akan menandatangani satu perjanjian dengan syarikat sekutunya di Bahrain, Tekno Logam Company, untuk menubuhkan sebuah kilang untuk mengeluarkan antara lain, gasket dan bahan penyambung paip logam.

Keluaran kilang itu ialah untuk memenuhi keperluan industri petroleum dan petrokimia di Asia Barat.

Menurut kenyataan itu, terdapat ruang untuk meningkatkan perdagangan dua hala berdasarkan potensi pasaran di Bahrain.

Sehingga Ogos lepas, perdagangan antara kedua-dua negara berjumlah RM224.8 juta yang memihak kepada Bahrain. Hampir separuh daripada eksportnya ke Malaysia merupakan produk aluminium manakala eksport Malaysia ke Bahrain yang bernilai RM68.4 juta, terdiri barangan perkayuan.

Khalifa yang melawat Malaysia Januari lepas, dijadual menghadap Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan Terengganu, selain mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir.

Rombongan beliau yang mempunyai 60 orang turut mengandungi empat menteri.

Pemimpin Bahrain itu akan berlepas ke Bangkok pada Khamis.

-- BERNAMA

MHI ZS MAI